

NGO bantu pusat serenti tangani ketagihan dadah

KUALA LUMPUR 24 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberitahu, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan sedang membantu sebuah pusat pemulihan dadah (pusat serenti) dalam menangani isu penagihan dadah secara lebih berkesan.

Perdaha Menteri berkata, kerajaan membenarkan NGO tersebut membantu pusat serenti berkenaan dengan menggunakan pendekatan mereka menangani masalah penagih tegar dan lain-lain.

"Kita sedang memantau pendekatan itu dan ingin melihat perkembangannya untuk mengetahui sama ada berhasil atau tidak," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika menjawab soalan **Datuk Suhaili Abdul Rahman (BN-Labuan)** dalam sesi Dewan Rakyat, di sini hari ini.

Tanpa menyebut nama NGO berkenaan, Abdullah, memberitahu, usaha NGO terbabit amat dialu-alukan oleh kerajaan dalam membatik lebih ramai pihak membantu mengatasi masalah penagihan dadah di negara ini.

"Kita (kerajaan) perlu ambil sikap terbuka untuk menerima pendekatan baru termasuk kaedah rawatan yang menggunakan ubat-ubatan baru.

"Bagaimanapun, kita kena juga bERhati-hati dengan penggunaan ubat-ubatan baru agar tidak membahayakan," katanya.

Justeru, beliau meminta semua pihak termasuk NGO yang lain membantu kerajaan dengan memberikan cadangan dan pendapat berhubung apa sahaja isu berkaitan dengan penagihan dadah.

Ancaman

Perdana Menteri tidak menolak hakikat, bahawa dadah merupakan ancaman besar kepada negara dan perlu dipeangi secara habis-habisan.

Justeru, katanya, kerajaan melalui polis dan pihak berkuasa lain akan terus menjalankan usaha-usaha membanteras kemasukan dadah ke negara ini.

"Selain usaha pencegahan melalui program-program kesedaran dan rawatan, kita juga telah mengadakan kerja-

sama dengan negara-negara luar bagi menghalang kemasukan bahan itu ke sini," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan akan melihat pendekatan-pendekatan yang digunakan di luar negara dan akan melaksanakan di Malaysia sekiranya sesuai.

Di peringkat negara juga, katanya, kerajaan telah menubuhkan sebuah majlis tindakan membanteras dadah yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang telah digerakkan bagi mengatasi masalah itu.

Jelas Perdana Menteri, di peringkat negeri pula diketuai para Menteri Besar dan Ketua Menteri.



ABDULLAH Ahmad Badawi berbincang dengan Najib Tun Razak sambil diperhatikan oleh Nazri Abd. Aziz sebelum berucap pada Sidang Dewan Rakyat di bangunan Parlimen, semalam.